

## Unit Zakat Sedekah Wakaf: Adaptasi Peranannya Dalam Mengendalikan Dana Zakat Bagi Pembangunan Pendidikan Norma Baru Golongan Asnaf Fisabilillah Uitm Cawangan Kelantan

ZANIRAH MUSTAFA@BUSU\*, NOR ASMIRA MAT JUSOH, NORAINI JUNUH, NORAZMILA YUSOF, AHMAD MURSYIDI MUSTAPHA, MOHD NAZRI MAT ZIN, NURUL HIDAYAH AWANG @ AB. RAHMAN, NURUL IZZAH NOOR ZAINAN, NIK MUNIYATI NIK DIN, MOHD. KHAIRUL ANUAR ISMAIL

*Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Cawangan Kelantan*

\*Pengarang Koresponden: Email: [zanir126@uitm.edu.my](mailto:zanir126@uitm.edu.my) | Tel: +6099762000 | Fax: +6099762022

### Abstrak

Kejayaan zakat dalam sesebuah institusi amat perlu kepada urus tadbir yang adil kerana tanggungjawab tersebut adalah amanah. Dengan pengurusan yang adil, dana zakat mampu membantu mencapai ekonomi berpendapatan tinggi kerana aktiviti zakat itu sendiri dapat merangsang pertumbuhan ekonomi seluruh masyarakat di Malaysia. Dana zakat institusi pendidikan tinggi juga adalah salah satu cara yang dapat membantu meningkatkan kebajikan universiti. Objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti kebolehpayaan pelaksanaan penubuhan universiti zakat di Malaysia dan dapat mengkaji cara yang paling berkesan dalam pelaksanaan pembangunan universiti di Malaysia dengan menggunakan dana zakat. Pendedahan kajian ini juga bertujuan untuk melahirkan dan menzahirkan pembangunan institusi zakat dengan lebih produktif dan berwibawa serta dapat membantu para institusi dalam kemajuan pendidikan pada masa yang akan datang. Kajian ini diperlukan supaya penyelidikan tersebut dapat dilakukan dengan terperinci dan dikhususkan kepada para institusi yang berkecukupan untuk menerima zakat. Metodologi kajian secara kualitatif digunakan iaitu melalui keperpustakaan, temubual, dokumentasi dan penelitian yang digunakan untuk mengumpulkan data maklumat yang berkaitan. Kajian ini juga berdasarkan analisis-analisis kajian lepas melalui jurnal dan laman sesawang. Hasil kajian ini, memberikan gambaran ringkas sejauh mana proses dana zakat yang diberikan kepada para institusi. Akhirnya, keperluan kepada tadbir urus yang baik dan cekap oleh unit zakat adalah amat diutamakan kerana ia dapat memperkembang dan memperbangun dana zakat dengan lebih cepat dan peranan zakat di institusi pengajian tinggi adalah amat diperlukan.

**Kata Kunci:** Zakat, Dana, Pendidikan, Norma Baru, Asnaf Fisabilillah

### 1. PENGENALAN

Objektif utama pengagihan dana zakat mengikut pendapat Al-Quradawi (1973) dalam bukunya yang bertajuk 'Fiqh al-Zakat' ialah untuk mempertingkatkan nilai hidup pemberi, membersihkan dan menyuburkan harta, membantu pihak yang memerlukan serta memperkukuhkan jaminan sosial. Daripada objektif-objektif yang disebutkan ini seperti zakat dapat menyuburkan harta menjelaskan bahawa zakat dapat memperkembangkan lagi harta yang diberikan serta menambah keberkatannya. Secara realitinya, harta yang dizakatkan dilihat akan berkurangan pada mata kasar manusia tetapi sebaliknya jika ditelusuri akan hikmah pemberian zakat ini maka dapat disimpulkan bahawa pada hakikatnya harta zakat ini dapat meningkatkan kegiatan ekonomi masyarakat seterusnya membantu negara ke arah ekonomi negara yang berpendapatan tinggi.

Justeru itu, pembangunan masyarakat dari segi kehidupan yang lebih baik seperti bebas dari belenggu kemiskinan di kalangan asnaf, kemajuan ekonomi dan Pendidikan dapat dilaksanakan dengan menggunakan dana zakat yang telah dikutip. Ini bertepatan dengan tujuan pensyiaran zakat iaitu untuk membantu golongan asnaf selain menyucikan harta yang diperolehi. Di samping itu, pengurusan kutipan dan agihan dana zakat yang betul khususnya oleh para amil zakat dapat menjamin halatuju dan matlamat penggunaan dana zakat iaitu sebagai pemangkin perkembangan sosio dan ekonomi ummah seterusnya ekonomi negara. Hal ini juga mengambil kira sumbangan zakat Pendidikan melalui pelbagai bentuk dan skim yang diberikan kepada golongan asnaf terutamanya asnaf fakir dan miskin.<sup>1</sup> (Azman Ab Rahman, Siti Martiah Anwar, 2014)

<sup>1</sup> Azman Ab Rahman, Siti Martiah Anwar, Dana Zakat dalam Pendidikan Asnaf dan Sumbangan Terhadap Ekonomi Malaysia, Universiti Sains Islam Malaysia, 2014, h. 2

Selain memenuhi kewajiban sebagai seorang Muslim, zakat juga mempunyai kelebihan dan manfaat kepada individu, masyarakat dan negara di antara manfaat zakat adalah seperti membasmi kemiskinan, menjamin keadilan ekonomi, memelihara kehormatan dan tanggungjawab kepada Allah SWT serta sebagai pemangkin kebangkitan ekonomi negara. Untuk mencapai tujuan ini, pusat-pusat zakat perlu menjadi sebuah institusi yang cekap dan berkesan. Menurut al-Qaradawi (1973) pula menekankan kepentingan agar pusat zakat dapat menjalankan peranan dan tanggungjawab menyalurkan zakat dengan lebih teratur agar kemuliaan Islam dapat dikembalikan apabila kemiskinan dalam kalangan masyarakat Islam dapat dikurangkan. Pemerintah bertanggungjawab mengurus zakat secara telus dan bersistematik agar matlamat zakat akan tercapai dalam membantu dan meningkatkan taraf hidup asnaf. <sup>2</sup>(Naemah Binti Hamzah, Mohd Nasir Bin Masroom, Aminuddin Bin Ruskam, Amir Irsyad Bin Saim, 2021).

## 2. PERMASAHAN KAJIAN

Bagi mewujudkan masyarakat yang sejahtera dan harmoni, zakat juga berusaha membebaskan manusia daripada belenggu kemiskinan melalui peruntukan sara hidup kepada golongan yang memerlukan sama ada secara sementara mahupun kekal. Golongan ini akan diberikan perlindungan yang sewajarnya bagi memastikan mereka dapat menjalani kehidupan yang terjamin. Selain itu, zakat juga bertujuan membantu golongan yang menghadapi masalah kewangan dan material di luar jangkaan seperti hutang, penyakit dan musibah tertentu meskipun pada asalnya mereka berada dalam kategori yang tidak memerlukan bantuan.

Namun begitu, pembangunan sosioekonomi golongan asnaf fakir dan miskin merupakan satu isu serius yang memerlukan kepada perancangan yang rapi dan tidak boleh ditangani secara bermusim sahaja. Zakat boleh diperuntukkan dalam bentuk bantuan berterusan seperti sara hidup miskin tegar, sumbangan bencana alam, perlindungan daripada musibah dan kesulitan serta bantuan perubatan kerana keperluannya adalah mendesak dan segera. Selain itu, zakat juga boleh digunakan untuk membiayai projek-projek pembangunan jangka Panjang seperti pembiayaan Pendidikan dan penyediaan modal keusahawan yang memberikan faedah lebih besar di masa hadapan buat golongan ini. Jiwa mereka perlu dimotivasikan untuk berdikari dengan cara memanfaatkan wang agihan zakat sebagai sumber modal dalam memajukan ekonomi sendiri sehingga akhirnya dapat mengeluarkan diri mereka daripada belenggu kemiskinan.

Golongan asnaf ini sebenarnya mempunyai minat yang tinggi untuk menuntut ilmu namun disebabkan kekangan dari segi kewangan untuk membayar yuran persekolahan dan pengajian maka sebahagian besar daripada mereka terus mengambil jalan singkat dengan menamatkan sesi pembelajaran meskipun mempunyai potensi yang besar untuk mencapai kecemerlangan dalam pelajaran. Faktor utama berlakunya keciciran dalam pelajaran ini disebabkan oleh taraf sosioekonomi keluarga yang mana anak-anak yang berasal daripada keluarga yang berpendapatan rendah sering kali tercicir dalam pelajaran kerana ketidakmampuan ibu bapa untuk menanggung bebanan persekolahan anak-anak mereka. <sup>3</sup>(Khairul Azhar Meerangani, 2017)

Kecekapan pengurusan kutipan dan agihan zakat merupakan aspek yang sangat penting selain merupakan tanggungjawab sesebuah institusi zakat. Dana zakat seharusnya mampu memberi impak dalam pembasmian kemiskinan masyarakat dan pembangunan ekonomi negara sekiranya aspek pengagihan zakat dititikberatkan. Agihan dana zakat juga memberi impak yang signifikan terhadap kualiti taraf hidup golongan asnaf yang turut dipengaruhi oleh kepuasan golongan asnaf terhadap agihan zakat. <sup>4</sup>(Pg Mohd Faezul Fikri Ag Omar, 2019) Kemunduran ini adalah berpunca daripada faktor utama yang merupakan kelemahan dalam ekonomi disebabkan oleh pengurusan zakat yang tidak efektif. Faktor lain ialah kemunduran dalam bidang ilmu pengetahuan kerana salah faham tentang sains yang telah dipenuhi dengan perkara-perkara yang mengelirukan dan salah. Kerana dua faktor ini adalah imej yang menakutkan bagi umat Islam yang akan terus diwarisi oleh umat Islam dari semasa ke semasa. Potensi zakat sebagai salah satu sumber kewangan dalam sistem pemerintahan Islam, dapat dikembangkan dengan lebih luas dengan pengertian bukan sahaja sebagai bantuan sara hidup kepada fakir miskin tetapi boleh juga digunakan sebagai bantuan

<sup>2</sup> Naemah Binti Hamzah, Mohd Nasir Bin Masroom, Aminuddin Bin Ruskam, Amir Irsyad Bin Saim, Penggunaan Wang Bantuan Zakat dalam Kalangan Asnaf Fisabilillah dan Asnaf Gharim di Universiti Teknologi Malaysia, Universiti Teknologi Malaysia, 2021, h. 3

<sup>3</sup> Khairul Azhar Meerangani, Potensi Zakat dalam Pembangunan Umat Islam di Malaysia, Universiti Teknologi MARA, 2017, H. 8-10

<sup>4</sup> Pg Mohd Faezul Fikri Ag Omar, Analisis Prestasi Kecekapan Agihan Zakat: Kajian di Tabung Baitulmal Sarawak, Universiti Malaysia Sabah (UMS), 2019, H. 5

yang produktif yang mempunyai misi jangka Panjang iaitu menyumbang kepada pembangunan ekonomi dan pendidikan.<sup>5</sup> (Suhaimi, 2017)

### 3.KAJIAN LITERATUR

Maratua Simanjuntak (2006) dalam tesisnya yang bertajuk “Pengurusan Zakat Di Medan Dan Pulau Pinang: Satu Kajian Perbandingan”. Dalam kajian ini, beliau memfokuskan kajiannya terhadap sistem pentadbiran dan pengurusan zakat di Medan Sumatera Utara dan Pulau Pinang, kajian dilakukan dalam bentuk perbandingan antara kedua-dua institusi dari sudut pengurusan dan pentadbiran tetapi tidak menyentuh masalah teknikal dan bagaimana sumbangan institusi zakat dalam menangani masalah kemiskinan. Saiful Najjar (2004) kajian dari Universiti Muhammadiyah Jakarta dengan tajuk “Pelaksanaan Keberkesanan Undang-undang Umur 38 Tahun 1999 Tentang Pengelolaan Zakat Sebagai Upaya Pengentasan Kemiskinan Di Pekan Baru”. Fokus kajian adalah pengurusan zakat yang meliputi aktiviti perancangan, organisasi, pengutipan, pengagihan dan penggunaan dana zakat. Kesimpulan kajian ini bahawa potensi zakat di Pekan Baru sangat besar namun kerana lemahnya sistem pengurusan zakat menyebabkan para muzakki ragu untuk menyalurkannya kepada institusi zakat. Kajian ini sangat berbeza dengan kajian yang dilakukan penulis kerana fokus kajiannya hanya pada BAZ di bandar Pekan Baru sementara penulis membahaskan masalah pengurusan BAZ daerah Riau secara keseluruhannya.

Pratami N Erika (2008) “Analisis Peranan Zakat Dalam Pembasmian Kemiskinan” dalam kajian beliau lebih memfokuskan bahawasanya terhadap peranan zakat dalam membasmi kemiskinan kerana kemiskinan adalah sebagai sesuatu yang boleh membahayakan bukan sahaja dalam bidang ekonomi akan tetapi juga dalam bidang aqidah. Oleh itu, kemiskinan mesti ditangani dengan menghapuskan punca tersebut.<sup>6</sup>(Suhaimi, 2017) Hairunnizam Wahid (2009) menjelaskan bahawa institusi zakat amat penting dalam pengurusan zakat, ia merupakan perantara di antara pembayar dan penerima zakat (asnaf). Tanggungjawabnya adalah amat besar iaitu memastikan kutipan zakat dapat dilakukan dengan cekap dan mengagihkan zakat kepada asnaf dengan cekap dan berkesan. Sekiranya institusi ini gagal berfungsi dengan baik maka system zakat tidak Berjaya untuk dilaksanakan. Institusi zakat perlu menunjukkan nilai-nilai Islam yang tinggi seperti amnah dan adil dalam pengurusan zakat dan dalam masa yang sama perlu bersifat profesionalisme. Cabaran institusi zakat menguruskan zakat pada masa kini bukanlah seperti zaman dahulu yang mana seorang amil diyakini oleh masyarakat setempat adalah ustaz, guru agama dan imam yang mempunyai latar belakang Pendidikan agama. Pengurusan zakat masa kini memerlukan keilmuan lain untuk meningkatkan tahap profesionalisme seperti pengurusan, keusahawanan, teknologi dan sebagainya. Ini akhirnya, dapat meningkatkan peranan dan kuasa serta profesionalisme dalam pengurusan zakat.<sup>7</sup>

#### 3.1 GOLONGAN ASNAF FISABILILLAH

Pendapat pertama adalah pendapat para jumur ulama’ terutama imam mazhab yang keempat, mereka telah bersepakat bahawa pengertian Fisabilillah hanya terhad kepada apa yang pernah dilakukan Rasulullah SAW sahaja iaitu jihad Fisabilillah atau perang fizikal untuk mempertahankan agama Islam. Pendapat ini telah diabadikan oleh sebahagian besar ulama’ klasik malah sepanjang tiga abad pertama Islam tiada seorang pun di antara ulama’ tersebut yang memahami Fisabilillah dengan maksud yang lain daripada jihad atau perang fizikal.

Pendapat kedua pula lebih cenderung untuk memahami maksud Fisabilillah dengan pemahaman dan pengertian yang sangat luas. Fisabilillah tidak terbatas pada jihad semata-mata tetapi merangkumi masalah dakwah dan kepentingan awam. Pendapat ini telah mendapat sokongna sebahagian besar ulama’ moden di antaranya Syaikh Rashad Rida, Mahmud Shaltut, Sadiq Hasan Khan dan Yusuf al-Qaradawi. Sementara itu, Shaikh Mahmud Shaltut juga mempunyai pandangan yang sama dalam memahami maksud Fi Sabilillah adalah untuk kegunaan kepentingan umat Islam secara umum.<sup>8</sup> (Suhaimi, 2017)

<sup>5</sup> Suhaimi, Sumbangan Institusi Zakat Terhadap Fakir dan Miskin: Kajian Perbandingan antara Badan Amil Zakat (BAZ) Riau dan Lembaga Zakat Selangor, Universiti Malaya Kuala Lumpur, 2017, h. 21, 24

<sup>6</sup> Suhaimi, Sumbangan Institusi Zakat Terhadap Fakir dan Miskin: Kajian Perbandingan antara Badan Amil Zakat (BAZ) Riau dan Lembaga Zakat Selangor, Universiti Malaya Kuala Lumpur, 2017, h. 32,33, 35

<sup>7</sup> Bab I Pendahuluan, h. 13-14

<sup>8</sup> Suhaimi, Sumbangan Institusi Zakat Terhadap Fakir dan Miskin: Kajian Perbandingan antara Badan Amil Zakat (BAZ) Riau dan Lembaga Zakat Selangor, Universiti Malaya Kuala Lumpur, 2017, h. 87-88

### **Kumpulan pertama maksud Fisabilillah adalah menghadkan pentafsiran kepada jihad pada jalan Allah SWT dan segala perkara yang berkaitan dengannya.**

Kumpulan ini terdiri daripada majoriti para ulama' a'immah al-madhahib. Pertama Mazhab Hanafi, Abu Yusuf umpamanya menyatakan bahawa maksud kalimah Fisabilillah ialah tentera-tentera yang berjuang secara sukarela yang terputus bekalan dalam peperangan. Menurutnya lagi, maksud yang dapat difahami daripada lafaz mutlak tersebut ialah mereka yang tidak mampu lagi bersama-sama tentera Islam berperang di jalan Allah kerana mereka adalah golongan fakir dan mereka tidak mempunyai bekalan lagi untuk terus berjuang. Terputus bekalan boleh ditakrifkan sebagai apa sahaja keperluan peperangan seperti alat-alat peperangan, kenderaan untuk tunggangan dan sebagainya. Kumpulan ini (sukarela fakir) boleh diberikan zakat walaupun mereka mampu untuk berusaha. Ini dibuat berasaskan pertimbangan bahawa golongan ini wajar diberi zakat untuk mengelakkan mereka dari terus tercicir dari medan jihad.

Kedua; Mazhab Maliki, Ibn 'Arabi dalam kitabnya 'Ahkam al-Quran Ketika mentafsirkan Fisabilillah dalam ayat 60 Surah al-Taubah yang menyatakan : "Jalan Allah itu banyak tetapi aku tidak mengetahui maksud lain bagi ayat ini kecuali berperang pada jalan Allah SWT". Muhammad bin Abu al-Hakam berkata: "Dikeluarkan daripada zakat untuk membuat baju perang, senjata dan alat perang lain yang diperlukan untuk menghalang serbuan musuh kerana ini termasuk pengertian berperang pada jalan Allah SWT dan persiapan untuk perang. Dalam Sharh Dardir Matn Khalil dinyatakan bahawa golongan yang berperang pada jalan Allah SWT diberi zakat termasuk juga untuk kelengkapan perang seperti senjata dan kuda. Orang yang berperang pada jalan Allah SWT boleh menerima zakat walaupun pada zahirnya dia terdiri daripada golongan kaya kerana dia menerima zakat atas asas asnaf berperang Fisabilillah dan bukan atas asas asnaf fuqara' dan masakin.

Ketiga; Mazhab Shafie, Imam Nawawi dan Ibn Hajar al-Haythami berpendapat bahawa maksud Fi Sabilillah ialah sukarelawan perang yang tidak mendapat gaji tetap daripada kerajaan. Menurut Ibn Hajar al-Haythami, maksud asal Fi Sabilillah ialah jalan yang menyampaikan seseorang kepada (keredaaan) Allah SWT. Kemudian pengertian ini banyak digunakan untuk maksud jihad (perang pada jalan Allah SWT) kerana ia merupakan sebab yang jelas menyampaikan seseorang pada jalan Allah SWT. Kemudian pengertian ini digunakan kepada golongan sukarelawan perang, golongan ini berjuang bukan atas asas mendapat ganjaran daripada kerajaan tetapi semata-mata mencari keredaaan Allah SWT. Justeru itu, golongan ini lebih berhak untuk mendapat sesuatu daripada sumber zakat walaupun mereka terdiri daripada golongan kaya.

Keempat; Mazhab Hambali, pendapat ulama' mazhab ini diselarikan dengan Mazhab Shafie apabila kumpulan ini juga menyatakan maksud kalimah Fi Sabilillah ialah sukarelawan yang berperang pada jalan Allah SWT tanpa mendapat sebarang gaji daripada kerajaan atau pemerintah. Golongan Fisabilillah ini diberi zakat walaupun mereka terdiri daripada golongan kaya. Dalam Ghayah Muntaha dan Sharahnya dinyatakan bahawa dibolehkan bagi kerajaan untuk membeli daripada harta zakat kelengkapan perang seperti kuda dan sebagainya serta diserahkan untuk digunakan dalam peperangan walaupun individu yang berperang itu ialah individu yang mengeluarkan zakat itu sendiri. Kes ini berbeza dengan kes tidak dibolehkan pemilik harta yang mengeluarkan zakat, kemudian (dengan wang zakat yang dikeluarkannya) membeli sendiri kuda yang akan digunakan untuk jihad atau membeli benda-benda lain dan diwakafkan untuk kegunaan Fisabilillah. Ini kerana pemilik harta tersebut tidak mengeluarkan zakat dengan cara yang diperintahkan.

### **Kumpulan Kedua maksud Fisabilillah ialah meluaskan maksud Fisabilillah tidak terhad kepada jihad**

Pertama; mereka yang meluaskan maksud Fisabilillah meliputi segala perbuatan taqarrub ila Allah dan taat kepadaNya Kumpulan ini berpegang kepada beberapa hujah lagi yang pertama, lafaz kalimah Fisabilillah berbentuk umum. Oleh itu, tidak boleh dikhususkan kecuali terdapat dalil-dalil yang menyatakan sedemikian. Kedua, banyak hadis yang menunjukkan harus menggunakan zakat dalam soal haji termasuk dalam pengertian Fisabilillah. Perkara ini telah disahkan kebenarannya daripada sejumlah sahabat Rasulullah SAW antaranya Ibn Abbas, Ibn Umar dan selain daripada mereka. Ketiga, mereka berpegang kepada satu hadis Rasulullah SAW yang terdapat dalam Sahih al-Bukhari dalam bab al-Qasamah yang mana Rasulullah SAW telah membayar diat seorang sahabat yang dibunuh oleh seorang Yahudi yang tidak dapat dikenalpasti identitinya dengan unta yang dibeli dengan menggunakan kutipan zakat. Ini menunjukkan keharusan menggunakan kutipan zakat untuk semua perkara kebaikan dan mendekatkan diri kepada Allah SWT. Keempat, golongan ini juga berdalilkan bahawa golongan sahabat mengambil harta-harta Allah SWT yang sejumlah daripadanya adalah zakat setiap tahun, mereka menamakannya 'Ata' (pemberian) dan mereka terdiri daripada golongan kaya dan miskin.

Kedua; mereka yang meluaskan maksud Fisabilillah merangkumi perkara yang melibatkan kepentingan umum (masalah 'ammah). Dr. Muhammad 'Abdul Qadir Abu Faris antara ulama' semasa yang menyokong pandangan ini. Beliau dalam hal ini mengemukakan beberapa hujah untuk memperkuat pendapatnya. Pertama, tidak terdapat nas daripada al-Quran dan al-Sunnah yang mengkhususkan pentafsiran lafaz Fisabilillah kepada makna tertentu. Justeru perkara ini termasuk dalam perkara ijthadiyah dan perkara ijthadiyah sememangnya diperselisihkan di kalangan ulama'. Setiap ulama' dalam soal ini berhak berjihad dan mengikut pandangan yang dianggapnya lebih tepat dan sesuai. Kedua, beliau berpegang kepada hadis yang menyatakan bahawa Rasulullah membayar diat seorang sahabat yang dibunuh oleh seorang Yahudi yang tidak dikenalpasti identitinya dengan menggunakan wang zakat. Seterusnya, beliau menyatakan bahawa pengarang kitab al-Manha al-'Azb al-Mawrud fi Sharh Sunan Abi Daud Ketika menjelaskan erti hadis ini berkata: "Dibayar diat adalah untuk mengelakkan terjadi persengketaan untuk memperbaiki hubungan dan menenangkan perasaan keluarga mangsa". Ini menunjukkan dibolehkan membelanjakan kutipan zakat kepada perkara-perkara yang bersifat al-masalih al-'ammah.

Ketiga, jika para fuqaha' berpendapat bahawa 'illah bagi kewajipan menyerahkan zakat kepada asnaf lapan adalah kerana keperluan dan manfaat bagi keseluruhan kaum muslimin, tidak boleh kita gunakan 'illah ini kepada semua yang melibatkan kepentingan kaum muslimin untuk mendapat pembiayaan daripada sumber zakat. Keempat, jika qadi dibolehkan mengambil dan menerima zakat atas asas menjaga kepentingan awam maka sebarang perkara yang bersifat kepentingan umum dibolehkan menerima peruntukan daripada kutipan zakat. Kelima, jika dibolehkan menerima zakat bagi golongan penuntut ilmu. Keenam, dalam soal jihad, jihad terbahagi kepada beberapa bahagian di antaranya jihad dalam bidang politik, jihad dalam bidang Pendidikan dan jihad dalam bidang ketenteraan. Jika mengetahui bahawa jenis-jenis jihad ini termasuk dalam menjaga kepentingan umum. Justeru adalah tepat yang berpendapat yang tidak menghadkan pentafsiran lafaz Fi Sabilillah kepada perkara-perkara yang bersangkutan dengan perang di jalan Allah semata-mata bahkan pentafsirannya merangkumi perkara-perkara yang melibatkan kepentingan umum.<sup>9</sup>(Prof. Madya Dato' Dr. Hailani Muji Tahir, 2009)

Fisabilillah dari sudut bahasa mempunyai tiga gabungan perkataan iaitu fi bermaksud di atau pada, sabil bermaksud jalan atau dalam Bahasa arab ialah tariq dan Allah. Manakala Fisabilillah pula bermaksud jalan Allah iaitu jalan petunjuk. Dari segi istilahnya pula terdapat pelbagai interpretasi, ada yang bersifat khusus dan ada yang bersifat umum. Pada fuqaha' turut membahaskan mengenai istilah Fisabilillah berdasarkan hujah-hujah dan pandangan mereka. Perkataan sabil disebut secara mutlak yang bermaksud jihad iaitu berperang menentang musuh-musuh iaitu orang kafir. Sabilillah pula bermaksud semua perkara yang mendekati diri kepada Allah SWT sama ada berbentuk individu atau organisasi.<sup>10</sup>(Rabi'atul Solehah, Nurul Ilyana Muhd Adnan, 2018).

## 2.2 KEPENTINGAN DANA ZAKAT

### 1) Membanteras kemiskinan

Masalah kemiskinan adalah salah satu masalah utama yang dihadapi oleh manusia sepanjang sejarah kehidupan. Dalam sistem kehidupan masyarakat dahulu mereka melihat bahaya kefakiran dan kehidupan masyarakatnya. Oleh sebab itu, mereka berusaha mengurangkan kadar kemiskinan dan kefakiran tersebut dengan melakukan pelbagai cara namun usaha ini selalu gagal disebabkan kuasa-kuasa besar telah mengambil kesempatan ke atas situasi sedia ada sehingga kedudukan ekonomi orang-orang bawahan seperti fakir dan miskin semakin lama semakin terancam.

### 2) Menegakkan kemuliaan Islam

Antara kepentingan zakat adalah menegakkan kemuliaan Islam melalui peningkatan sistem ekonomi. Islam tidak mahu adanya unsur kesengsaraan di kalangan rakyatnya. Oleh itu, seorang Muslim dikehendaki bekerja dan berusaha memperbaiki mutu kehidupan tetapi jika dia tidak dapat bekerja atau usaha yang tidak mencukupi untuk hidupnya maka wajiblah masyarakat muslim untuk membantu meringankan beban yang ditanggung.

### 3) Menjamin kesejahteraan dan keadilan sosial

Zakat memainkan peranan penting dalam masyarakat sebagai agensi keselamatan social yang menjamin setiap anggota masyarakat sebagai keperluan asas. Dengan memenuhi keperluan asas sedemikian dalam masyarakat akan mewujudkan sistem masyarakat yang penuh perhatian dan kasih sayang. Tambahan pula, ia dapat menyumbang kepada banyak

<sup>9</sup> Prof. Madya Dato' Dr. Hailani Muji Tahir, Pentafsiran dan Pelaksanaan Agihan Zakat Fisabilillah Mengikut Keperluan Semasa di Malaysia, Seminar Pengagihan Zakat di Bawah Sinf Fisabilillah Anjuran Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan, 2009, h. 3-9

<sup>10</sup> Rabi'atul Solehah, Nurul Ilyana Muhd Adnan, Tafsiran dan Status Asnaf Fisabilillah dalam Pengagihan Zakat, Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang, Selangor, Malaysia, 2018, h. 2



aspek positif seperti keseimbangan, kemajuan dan keberkatan. Zakat juga dapat melindungi masyarakat daripada bahaya perpecahan dan kefakiran.

#### 4) Memperkukuhkan ekonomi negara

Institusi zakat memainkan peranan yang sangat besar dalam menstabilkan serta mengukuhkan ekonomi negara. Melalui pengurusan zakat yang baik maka dapat mempengaruhi sikap pemilik harta sehingga sentiasa menyalurkan harta mereka dalam kegiatan ekonomi. Tanpa amalan seperti itu, ia akan memberikan kesan negatif kepada jumlah harta yang dimiliki kerana pembayaran zakat akan mengurangi jumlah harta tersebut jika harta dibekukan tanpa dilaburkan.<sup>11</sup> (Suhaimi, 2017)

### 2.3 SISTEM PENDIDIKAN NORMA BARU

Norma baru ini telah membuka ruang pembelajaran kepada kaedah *virtual learning* (pembelajaran maya). Senario ini telah memberikan perubahan yang besar terhadap penggunaan platform digital secara meluas. Penggunaan platform ini merupakan pilihan yang terbaik sebagai alternatif kepada PdP yang berbentuk fizikal yang terpaksa ditinggalkan oleh warga pendidik dan pelajar sepanjang tempoh PKP. Tenaga pengajar telah beralih menggunakan alat-alat peranti sebagai medium utama pengajaran. Hal yang sama juga terjadi kepada pendidikan di peringkat universiti. Seluruh institut pengajian tinggi telah ditutup dan para pelajar diarahkan untuk berada di kediaman masing-masing untuk mengelakkan mereka dijangkiti atau membawa virus Covid-19 kepada orang lain. Namun begitu, sesi pengajian terus berjalan secara atas talian.

Kaedah ini membolehkan pelajar terlibat dalam sesi pembelajaran tanpa batas masa dan ruang. Berikutan dengan itu, platform-platform seperti Zoom, Microsoft Team, Skype dan Google Meet digunakan sebagai platform bersemuka bagi capaian yang tinggi manakala Youtube dan Kahoot adalah untuk capaian yang sederhana. Kuliah-kuliah dan tutorial dilaksanakan mengikut jadual yang telah ditetapkan oleh pihak Hal Ehwal Akademik (HEA) universiti. Bagi menyokong norma baru PdP, pihak universiti telah menyediakan platform-platform yang sesuai dengan kapasiti pelajar mereka. PdP secara maya memberikan banyak faedah kepada para pelajar khususnya mereka yang mempunyai kemahiran dalam bidang Information Technology dan minat yang tinggi terhadap sosial media. Norma baru ini sebenarnya tidak mengurangkan kandungan pembelajaran pelajar. Semua penilaian kursus dikekalkan tetapi dalam kaedah yang berlainan dari tempoh sebelum pandemik Covid-19. Peperiksaan dijalankan secara maya dengan menggunakan platform atas talian dan juga platform google.<sup>12</sup> (Profesor Madya Dr. Hajjah Rohani bt Haji Ab Ghani, 2021) Disebabkan pandemik ini, masyarakat mula mengadaptasi norma baru kehidupan dalam usaha membendung peningkatan penularan wabak ini. Pandemik COVID-19 ini sangat memberi kesan bukan sahaja di Malaysia bahkan di seluruh dunia. Norma baru dalam PdP dilaksanakan menerusi pelbagai platform seperti Microsoft Team, Google Classroom, Google Meet, Zoom, Telegram, Whatsapp dan sebagainya agar pelajar tidak ketinggalan dalam proses PdP. Kemahiran teknologi maklumat (IT) pelajar turut memainkan peranan bagi memastikan PdP secara norma baru ini dapat dilaksanakan secara efektif melalui pelbagai aplikasi lain seperti Zoom, Meet atau lain-lain kaedah untuk menyediakan perbentangan tugas yang diberi. Pembentangan melalui kaedah berkongsi skrin (*screen sharing*) juga boleh dilakukan secara digital.<sup>13</sup> (Nor Aidawati Abdillah, Mazidah Musa, 2021)

### 3. PERBINCANGAN

Unit Zakat, Sedekah dan Wakaf telah melaksanakan gerak kerja berdasarkan prosedur yang telah ditetapkan. Antara langkah-langkah yang dilakukan adalah peranan dalam memberikan zakat pendidikan kepada golongan asnaf, Unit Zakat, Sedekah dan Wakaf turut giat menjalankan beberapa program pendidikan yang dilihat mampu menyuntik kesedaran dan memberikan manfaat kepada golongan asnaf tersebut. Antara langkah pertama adalah pihak Unit Zakat, Sedekah dan Wakaf mengalukan hebahan kepada semua pelajar UiTM Cawangan Kelantan melalui portal rasmi pelajar dan sosial media yang lain. Program ini giat dijalankan adalah melalui usahasama Unit Zakat, Sedekah

<sup>11</sup> Suhaimi, Sumbangan Institusi Zakat Terhadap Fakir dan Miskin: Kajian Perbandingan antara Badan Amil Zakat (BAZ) Riau dan Lembaga Zakat Selangor, Universiti Malaya Kuala Lumpur, 2017, h. 108-114

<sup>12</sup> Profesor Madya Dr. Hajjah Rohani Binti Haji Ab Ghani, Pandemik COVID-19 dan Norma Baru dalam Pendidikan Malaysia, Universiti Utara Malaysia, Sintok, Kedah, Malaysia, 2021, h. 8-9

<sup>13</sup> Nor Aidawati Abdillah, Mazidah Musa, Kesiediaan Pelajar Terhadap Proses Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) Norma Baru di Jabatan Teknologi Maklumat & Komunikasi (JTMK), Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin (PSMZA), 2021, H. 2-3

dan Wakaf dengan memfokuskan golongan asnaf yang berpendidikan.<sup>14</sup> (Azman Ab Rahman, Siti Martiah Anwar, 2014)

Langkah kedua adalah melantik panel penemuduga di kalangan penasihat akademik dan penyelar program dari semua fakulti. Dengan pelantikan yang dilakukan ini dapat mengetahui tahap kedudukan keluarga para pelajar dari semua fakulti dan dapat memadankan keluarga dengan sumber masyarakat yang sedia ada berdasarkan keperluan keluarga pelajar tersebut. Panel penemuduga perlu mengenalpasti keperluan setiap ahli keluarga dan memadankan dengan tindakan yang selanjutnya.<sup>15</sup> (Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan, 2017)

Langkah ketiga adalah pelajar membuat pengisian permohonan atas talian melalui sistem zakat disediakan. Unit Zakat, Sedekah dan Wakaf juga telah mengisytiharkan kaedah permohonan secara talian. Pelajar-pelajar yang ingin memohon bantuan zakat ini, pelajar tersebut perlulah membuka portal Sistem E-zakat UiTM Cawangan Kelantan untuk membuat pengisian permohonan tersebut. Kaedah pertama ialah memasukkan staf ID. Kaedah kedua ialah memasukkan kata laluan. Kaedah yang terakhir ialah tekan login. Melalui kaedah ini dapat dilihat bahawa pembangunan zakat di UiTM Cawangan Kelantan semakin meningkat. Ini adalah pelaksanaan sistem yang sangat digalakkan. Hal ini kerana Unit Zakat, Sedekah dan Wakaf sentiasa berusaha untuk meningkatkan mutu perkhidmatan untuk memajukan institusi Zakat, Sedekah dan Wakaf di UiTM Cawangan Kelantan.<sup>16</sup> (Suhaimi, 2017) Perkembangan teknologi ICT juga memberikan kesan positif terhadap pengurusan institusi agama dalam menguruskan hal ehwal zakat, sedekah dan wakaf. Ini memberikan peluang yang lebih luas kepada pembayar zakat untuk membuat bayaran secara dalam talian dan lebih fleksibel terutamanya kepada golongan yang mengalami kekangan masa pada waktu pejabat.<sup>17</sup> (Dr. Najahudin Lateh, Dr. Adibah Abdul Wahab, Mohammad Farid Mohammad Zainal, 2018)

Langkah keempat adalah pihak HEA, Unit Zakat, Sedekah dan Wakaf membuat tapisan dan panel melaksanakan proses temuduga secara atas talian berdasarkan tempoh yang telah diberikan dan memutuskan status kelayakan pemohon zakat tersebut. Tindakan ini akan dilakukan oleh panel penemuduga untuk menentukan pelajar yang berhak menerima bantuan tersebut. Unit Zakat, Sedekah dan Wakaf mengambil berat tentang pandangan dan lontaran suara pelajar. Beberapa perkara yang menjadi perhatian pelajar antaranya tempoh kemasukan wang ke akaun dan tempoh penilaian permohonan perlu ditambahbaik bagi memastikan pelajar yang berkelayakan berhak mendapat bantuan. Semoga dengan penambahbaikan yang akan dilakukan mampu menambah kepercayaan individu yang mencarum.<sup>18</sup> (Naemah Binti Hamzah, Mohd Nasir Bin Masroom, Aminuddin Bin Ruskam, Amir Irsyad Bin Saim, 2021)

Langkah kelima adalah bahagian kewangan turut membantu dalam membuat semakan status pembayaran yuran pengajian pemohon untuk melengkapkan lagi dokumen profil pemohon zakat. Potensi zakat dapat dikembangkan lebih luas dengan pengertian bukan sahaja sebagai bantuan sara hidup kepada golongan asnaf tetapi boleh juga digunakan sebagai bantuan yang produktif yang mempunyai misi jangka panjang iaitu menyumbang kepada pembangunan ekonomi dan pendidikan. Dalam misi ini, zakat bukan sekadar bantuan kewangan yang bersifat sementara tetapi lebih kepada bantuan jasa yang menjanjikan perubahan dalam kehidupan anak-anak asnaf di masa hadapan. Bahagian kewangan berperanan mengawasi dan memantau pengurusan kewangan agar dapat dilaksanakan mengikut standard yang ditetapkan serta memantau kecekapan pengurusan kewangan Unit Zakat, Sedekah dan Wakaf.<sup>19</sup> (Suhaimi, 2017)

Langkah keenam adalah koordinator Unit Zakat, Sedekah dan Wakaf dan ahli jawatankuasa yang lain membuat semakan dan tapisan terakhir untuk menentukan peruntukan dana yang layak untuk diagihkan. Ini mengambil kira

<sup>14</sup> Azman Ab Rahman, Siti Martiah Anwar, Dana Zakat dalam Pendidikan Asnaf dan Sumbangan Terhadap Ekonomi Malaysia, Universiti Sains Islam Malaysia, 2014, h. 5

<sup>15</sup> Skim Pengupayaan Sepadu MUIS, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur Malaysia, 2017, h. 64

<sup>16</sup> Suhaimi, Sumbangan Institusi Zakat Terhadap Fakir dan Miskin: Kajian Perbandingan antara Badan Amil Zakat (BAZ) Riau dan Lembaga Zakat Selangor, Universiti Malaya Kuala Lumpur, 2017, h. 172-173

<sup>17</sup> Dr. Najahudin Lateh, Dr. Adibah Abdul Wahab, Mohammad Farid Mohammad Zainal, Isu-isu Zakat, Wakaf dan Filantropi Islam di Nusantara, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Shah Alam, Selangor Darul Ehsan, Malaysia, 2018, h. 31

<sup>18</sup> Naemah Binti Hamzah, Mohd Nasir Bin Masroom, Aminuddin Bin Ruskam, Amir Irsyad Bin Saim, Penggunaan Wang Bantuan Zakat dalam Kalangan Asnaf Fisabilillah dan Asnaf Gharim di Universiti Teknologi Malaysia, Universiti Teknologi Malaysia, 2021, h. 19-20

<sup>19</sup> Suhaimi, Sumbangan Institusi Zakat Terhadap Fakir dan Miskin: Kajian Perbandingan antara Badan Amil Zakat (BAZ) Riau dan Lembaga Zakat Selangor, Universiti Malaya Kuala Lumpur, 2017, h. 24, 158

maklumbalas daripada para pelajar untuk memastikan pendekatan yang sesuai dan bertepatan dengan keperluan keluarga serta impak dari perubahan landskap pembangunan sosial. Dengan ini, koordinator Unit Zakat, Sedekah dan Wakaf dan ahli jawatankuasa tersebut dapat membuat keputusan untuk menentukan dana yang layak kepada para pelajar yang terpilih daripada golongan tersebut.<sup>20</sup>(2017)

Langkah yang terakhir adalah Unit Zakat, Sedekah dan Wakaf dan bahagian kewangan melaksanakan agihan berdasarkan peruntukan dana zakat yang ada untuk tahun tersebut. Dalam melaksanakan agihan zakat, Unit Zakat, Sedekah dan Wakaf menggunakan bentuk agihan yang bersifat umum dan agihan khas bantuan pendidikan. Walau bagaimanapun, kaedah agihan adalah mengikut skala keutamaan dengan pengertian bahawa yang lebih memerlukan adalah didahulukan. Hal ini sesuai dengan prinsip agihan zakat yang telah ditetapkan oleh Unit Zakat, Sedekah dan Wakaf iaitu berbentuk Isti'ab atau menyeluruh.<sup>21</sup> (Suhaimi, 2017)

#### 4. KESIMPULAN

Skim dan bantuan zakat pendidikan diberikan kepada hampir semua golongan asnaf zakat di UiTM Cawangan Kelantan. Skim dan bantuan zakat pendidikan yang telah dibentuk ini dilihat mampu untuk membantu golongan asnaf untuk mengubah kehidupan mereka supaya keluar daripada kepompong kemiskinan dengan pendidikan. Implikasi ini adalah berlakunya penambahbaikan dari segi bentuk bantuan dan skim zakat pendidikan supaya ia lebih menyeluruh dan mengikut kehendak masa kini yang diperlukan oleh golongan asnaf dan supaya ia dapat terus diagihkan dengan berkesan kepada golongan asnaf. Usaha seperti ini yang bertepatan dengan kehendak syarak seterusnya dapat membantu dalam membasmi kemiskinan dan meningkatkan ekonomi negara ke arah ekonomi berpendapatan tinggi.<sup>22</sup>(Azman Ab Rahman, Siti Martiah Anwar, 2014)

#### Penghargaan

Penulis adalah merupakan ahli kumpulan penyelidikan di bawah Special Interest Group (S.I.G) Muamalat Governance dan Kelestarian Asnaf Zakat. Kami ingin mengucapkan ribuan terima kasih dan penghargaan kepada Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Kelantan atas dorongan untuk menerbitkan kertas kerja ini dan menyokong pembiayaan penulisan ini.

#### RUJUKAN

- Azman Ab Rahman, Siti Martiah Anwar, (2014) Dana Zakat dalam Pendidikan Asnaf dan Sumbangan Terhadap Ekonomi Malaysia, Universiti Sains Islam Malaysia, PROSIDING PERKEM Ke-9
- Naemah Binti Hamzah, Mohd Nasir Bin Masroom, Aminuddin Bin Ruskam, Amir Irsyad Bin Saim, (2021) Penggunaan Wang Bantuan Zakat dalam Kalangan Asnaf Fisabilillah dan Asnaf Gharim di Universiti Teknologi Malaysia, Universiti Teknologi Malaysia, Azka International Journal of Zakat & Social Finance Vol. 1 No. 2 (Special Issue 2021).
- Khairul Azhar Meerangani, (2017) Potensi Zakat dalam Pembangunan Umat Islam di Malaysia, Universiti Teknologi MARA.
- Pg Mohd Faezul Fikri Ag Omar, (2019) Analisis Prestasi Kecekapan Agihan Zakat: Kajian di Tabung Baitulmal Sarawak, Universiti Malaysia Sabah (UMS).
- Suhaimi, (2017) Sumbangan Institusi Zakat Terhadap Fakir dan Miskin: Kajian Perbandingan antara Badan Amil Zakat (BAZ) Riau dan Lembaga Zakat Selangor, Universiti Malaya Kuala Lumpur.
- Prof. Madya Dato' Dr. Hailani Muji Tahir, (2009) Pentafsiran dan Pelaksanaan Agihan Zakat Fisabilillah Mengikut Keperluan Semasa di Malaysia, Seminar Pengagihan Zakat di Bawah Sinf Fisabilillah Anjuran Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan.
- Rabi'atul Solehah, Nurul Ilyana Muhd Adnan, (2018) Tafsiran dan Status Asnaf Fisabilillah dalam Pengagihan Zakat, Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang, Selangor, Malaysia, Journal of Advanced Research in Social and Behavioural Sciences 12, Issue 1.
- Profesor Madya Dr. Hajjah Rohani Binti Haji Ab Ghani, (2021) Pandemik COVID-19 dan Norma Baru dalam Pendidikan Malaysia, Universiti Utara Malaysia, Sintok, Kedah, Malaysia.

<sup>20</sup> Skim Pengupayaan Sepadu MUIS, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur Malaysia, 2017, h. 67

<sup>21</sup> Suhaimi, Sumbangan Institusi Zakat Terhadap Fakir dan Miskin: Kajian Perbandingan antara Badan Amil Zakat (BAZ) Riau dan Lembaga Zakat Selangor, Universiti Malaya Kuala Lumpur, 2017, h. 173

<sup>22</sup> Azman Ab Rahman, Siti Martiah Anwar, Dana Zakat dalam Pendidikan Asnaf dan Sumbangan Terhadap Ekonomi Malaysia, Universiti Sains Islam Malaysia, 2014, h. 6



- 
- Nor Aidawati Abdillah, Mazidah Musa, (2021) Kesediaan Pelajar Terhadap Proses Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) Norma Baru di Jabatan Teknologi Maklumat & Komunikasi (JTMK), Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin (PSMZA), *International Journal of Modern Education (IJMOE)*, Volume 3 Issue 8 PP. 114-124.
- Norazlin Mohd Rusdin, Siti Rohaimah Ali, (2019) Amalan dan Cabaran Pelaksanaan Pembelajaran Abad ke-21, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia, *Proceedings of the International Conference on Islamic Civilization and Technology Management*.
- Skim Pengupayaan Sepadu MUIS, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur Malaysia, (2017).
- Dr. Najahudin Lateh, Dr. Adibah Abdul Wahab, Mohammad Farid Mohammad Zainal, (2018) *Isu-isu Zakat, Wakaf dan Filantropi Islam di Nusantara*, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Shah Alam, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.